



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 – 15 JUN 2026 (SABTU - ISNIN)

RM15 Juta Naik Taraf Sistem Pengairan Padi Membakut

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Jesselton Times	Berita Tempatan	Dalam Talian	12 Jun



Foto dari Jesselton Times

MEMBAKUT: Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan (MAFFI), melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), akan menaik taraf sistem pengairan di kawasan penanaman padi di Membakut menerusi peruntukan berjumlah RM15 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Inisiatif itu bertujuan meningkatkan pengeluaran padi, memperkukuh produktiviti sektor pertanian serta menarik lebih ramai

golongan muda menceburi bidang pertanian.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Datuk Jamawi Jaafar berkata, beliau mendapat maklumbalas 'feedback' di 'Facebook' yang menyatakan bahawa banyak kawasan di kawasan Membakut, tidak boleh diusahakan tanaman padi.

"Maka saya pun berbincang dengan ADUN Membakut, Datuk Dr. Mohd. Ariffin Mohd. Arif dan kami telah meninjau serta turun padang dan ada

beberapa perkara yang telah pun kita selesaikan yang pertamanya, sistem pengairan untuk sistem pengairan daerah Membakut.

Kontraktor bagi projek berkenaan telah dilantik dan kerja-kerja pelaksanaan akan memberi manfaat kepada kira-kira 350 ekar kawasan sawah padi di daerah itu.

“Hasil lawatan ke kawasan sawah di Membakut, kita mengenal pasti beberapa isu utama termasuk sistem pengairan, kekurangan jentera serta masalah gangguan ternakan yang memasuki kawasan tanaman.

“Bagi isu pengairan, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah memperuntukkan RM15 juta tahun ini dan kontraktor juga telah dilantik untuk menaik taraf sistem tersebut,” katanya ketika ditemui media selepas mengadakan lawatan kerja ke kawasan pertanian dan sawah padi di Kampung Pimping, di sini hari ini.

Selain itu, Jamawi juga membuat tinjauan ke sawah padi di Kampung Bingkulas, Kampung Mandaya dan Kampung Takak.

Jamawi berkata, kementerian juga akan bekerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang bagi

membantu menyediakan jentera pertanian yang diperlukan pesawah.

Katanya, isu mekanisasi merupakan antara cabaran utama yang perlu ditangani bagi meningkatkan minat generasi muda dalam industri penanaman padi.

“Kita akan berusaha membantu dari segi penyediaan mesin, dron dan jentera menuai kerana kemudahan ini mampu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual,” katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa kementerian akan berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah bagi mengenal pasti dan menaik taraf kawasan padang ragut untuk mengelakkan lembu serta kerbau memasuki kawasan sawah.

Dalam lawatan tersebut, Jamawi berkata beliau menerima maklumat bahawa kira-kira 60 peratus pesawah di Membakut terdiri daripada golongan muda berusia antara 25 hingga 40 tahun.

Menurutnya, daripada lebih 120 pengusaha sawah di kawasan itu, sekitar 60 hingga 70 orang adalah

generasi muda yang mengambil alih pengurusan sawah daripada keluarga masing-masing.

“Ini satu perkembangan yang sangat positif. Kita melihat semakin ramai generasi kedua mengambil alih perusahaan keluarga dan meneruskan aktiviti penanaman padi.

“Perkara ini memberi keyakinan bahawa sektor padi masih mempunyai masa depan yang cerah sekiranya kita menyediakan kemudahan dan sokongan yang mencukupi,” katanya.

Jamawi berkata penglibatan anak muda amat penting bagi membantu kerajaan mencapai sasaran meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negeri kepada 40 peratus menjelang tahun 2030.

Beliau menegaskan kementerian akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, mekanisasi dan sokongan teknikal bagi memastikan sektor padi Sabah terus berkembang dan kekal mampan pada masa hadapan.

Terdahulu, Jamawi telah melawat ladang komersial penanaman sayuran jenis buah iaitu cili, terung dan

timun yang diusahakan oleh seorang anak muda berusia 33 tahun, Bryon Chung Sze Vui yang juga merupakan salah seorang mentor dalam Program Inisiatif Kebun Dapur.

Turut hadir Pengurus Besar Lembaga Padi dan Beras Sabah (LPBS), Datuk Dr. Ramle Kasin; Ketua Cawangan JPS Sabah, Ir. Jaffri Bahan; Pegawai Daerah Membakut, Yuesri Ismail Yusof; Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Sabah, Jackson R. Jaimi serta Timbalan Pengurus Besar Lembaga Pemasaran Pertanian Sabah (SAMA), Dato Shawn Davey.-

[JESSELTONTIMES](#)

RM15 Juta Naik Taraf Sistem Pengairan Sawah Padi di Membakut

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah Media	Utama	Dalam Talian	12 Jun



Jamawi (duduk, empat dari kiri), Ariffin (duduk, tiga dari kanan) bergambar bersama dengan penduduk kampung serta semua yang hadir dalam lawatan kerja itu.

MEMBAKUT: Kerajaan Negeri Sabah memperuntukkan RM15 juta bagi menaik taraf sistem pengairan kawasan penanaman padi di Membakut menerusi Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan (MAFFI) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Inisiatif itu bertujuan meningkatkan pengeluaran padi, memperkukuh produktiviti sektor pertanian serta menarik lebih ramai

golongan muda menceburi bidang pertanian.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan, Datuk Jamawi Jaafar berkata, keputusan itu dibuat selepas pihaknya menerima maklum balas daripada penduduk mengenai beberapa kawasan sawah di Membakut yang tidak dapat diusahakan sepenuhnya.

Katanya, hasil perbincangan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Membakut, Datuk Dr Mohd Ariffin Mohd Arif, serta lawatan ke lokasi terlibat, beberapa isu utama berjaya dikenal pasti dan tindakan segera telah diambil.

“Antara perkara yang diberi keutamaan ialah menaik taraf sistem pengairan di kawasan sawah padi Membakut.

“Bagi tujuan itu, kementerian melalui JPS telah memperuntukkan RM15 juta pada tahun ini dan kontraktor bagi projek berkenaan juga telah dilantik,” katanya ketika ditemui media selepas lawatan kerja ke kawasan pertanian dan sawah padi di Kampung Pimping, di sini, hari ini.

Menurutnya, projek itu dijangka memberi manfaat kepada kira-kira 350 ekar kawasan sawah padi di daerah berkenaan.

Jamawi berkata, selain masalah pengairan, pihaknya turut mengenal pasti isu kekurangan jentera pertanian dan gangguan ternakan yang memasuki kawasan tanaman.

Sehubungan itu, katanya, kementerian akan bekerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang bagi membantu

menyediakan jentera yang diperlukan pesawah.

“Isu mekanisasi merupakan antara cabaran utama yang perlu ditangani bagi meningkatkan minat generasi muda dalam industri penanaman padi.

“Kita akan berusaha membantu dari segi penyediaan mesin, dron dan jentera menuai kerana kemudahan ini mampu meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja manual,” katanya.

Beliau turut memaklumkan kementerian akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah bagi mengenal pasti dan menaik taraf kawasan padang ragut untuk mengelakkan lembu serta kerbau memasuki kawasan sawah.

Dalam lawatan itu, Jamawi turut dimaklumkan bahawa kira-kira 60 peratus pesawah di Membakut terdiri daripada golongan muda berusia antara 25 hingga 40 tahun.

Katanya, daripada lebih 120 pengusaha sawah di kawasan berkenaan, sekitar 60 hingga 70 orang merupakan generasi muda yang

mengambil alih pengurusan sawah daripada keluarga masing-masing.

“Ini satu perkembangan yang sangat positif kerana semakin ramai generasi kedua meneruskan perusahaan keluarga dalam sektor penanaman padi.

“Perkara ini memberi keyakinan bahawa industri padi masih mempunyai masa depan yang cerah sekiranya kemudahan dan sokongan mencukupi terus disediakan,” katanya.

Menurutnya, penglibatan golongan muda amat penting bagi membantu kerajaan mencapai sasaran meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras Sabah kepada 40 peratus menjelang 2030.

Beliau menegaskan kementerian akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, mekanisasi dan sokongan teknikal bagi memastikan sektor padi di Sabah terus berkembang secara mampan.

Terdahulu, Jamawi turut melawat ladang komersial tanaman sayuran buah seperti cili, terung dan timun yang diusahakan oleh usahawan muda berusia 33 tahun, Bryon Chung Sze Vui, yang juga mentor Program

Inisiatif Kebun Dapur.

Turut hadir Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan merangkap ADUN Lumadan, Datuk Ruslan Muharam; Pengurus Besar Lembaga Padi dan Beras Sabah (LPBS), Datuk Dr Ramle Kasin; Ketua Cawangan JPS Sabah, Ir Jaffri Bahan; Pegawai Daerah Membakut, Yuesri Ismail Yusof; Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Sabah, Jackson R Jaimi; serta Timbalan Pengurus Besar Lembaga Pemasaran Pertanian Sabah (SAMA), Dato Shawn Davey.-

[SABAHMEDIA](#)

DVS Sabah Siasat Kematian Kucing Selepas Pembedahan Kembiri			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TV Sabah News	News	Dalam Talian	12 Jun



Pengarah DVS Sabah, Dr Zul Bahar Hj Abdul Rashid

KOTA KINABALU: 12 Jun 2026 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah memulakan siasatan dalaman menyeluruh berhubung dakwaan insiden kematian seekor kucing jantan selepas menjalani prosedur pembedahan kembiri di sebuah klinik veterinar kerajaan.

Pengarah DVS Sabah, Dr Zul Bahar Hj Abdul Rashid, dalam kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya mengambil maklum dan memandang serius dakwaan

yang dilaporkan oleh individu dikenali sebagai thebareloons pada 11 Jun lalu melalui hantaran di platform media sosial THREADS.

Menurut kenyataannya, satu siasatan dalaman menyeluruh akan dijalankan segera bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian.

Siasatan yang dijalankan merangkumi pemeriksaan dokumentasi, semakan ke atas prosedur operasi standard (SOP), penelitian rekod berkaitan serta sesi

soal selidik bersama petugas yang mengendalikan keseluruhan proses pembedahan.

Jabatan itu turut menasihatkan pemilik kucing supaya segera menghantar karkas (bangkai) haiwan berkenaan ke Makmal Diagnosa Veterinar (MDV) Kepayan, DVS Sabah untuk proses bedah siasat (nekropsi) untuk mengenal pasti punca sebenar kematian.

Kenyataan menekankan bahawa langkah segera ini amat penting kerana karkas yang telah mengalami proses autolisis (reput) boleh menjejaskan ketepatan diagnosis.

DVS Sabah memberi jaminan siasatan akan dijalankan secara telus dan profesional bagi memastikan keadilan kepada semua pihak.-

[TVSABAHNEWS](#)

Sabah DVS Launches Probe Into Cat's Death After Neutering Procedure

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Daily Express	News	Dalam Talian	12 Jun



For illustrative purposes only.

Kota Kinabalu: The Sabah Veterinary Services Department (DVS) said it is taking seriously allegations made by an individual identified as thebareloons on Threads on Thursday regarding the death of a male cat following a neutering procedure at a government veterinary clinic.

The Department said a comprehensive internal investigation will be conducted immediately to determine the cause of the incident.

According to the Department, the investigation will include a review of documentation, standard operating procedures, related records and interviews with personnel involved in the process.

To assist the investigation, the department advised the owner to promptly submit the cat's carcass to the Veterinary Diagnostic Laboratory in Kepayan for a post-mortem examination to establish the cause of death.

The Department said immediate submission is important as autolysis, or decomposition of the carcass, could affect the accuracy of the diagnosis.-[DAILYEXPRESS](#)

DVS Sabah Siasat Kes Kematian Kucing Lepas Dikembiri di Klinik Veterinar di Kepayan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah News	Berita Sabah	Dalam Talian	13 Jun




Foto dari SabahNews.com

KOTA KINABALU: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sabah akan menjalankan siasatan dalaman menyeluruh berhubung dakwaan kematian seekor kucing jantan selepas menjalani prosedur pembedahan kembiri di Klinik Veterinar Kerajaan Kepayan yang tular di media sosial sejak Khamis.

pengguna media sosial menggunakan nama akaun thebareloons menerusi platform Threads pada 11 Jun lalu berhubung insiden tersebut.

DVS Sabah dalam satu kenyataan berkata, pihaknya mengambil maklum dan memandangkan serius dakwaan yang dibuat oleh seorang

Menurut jabatan itu, siasatan akan dilaksanakan segera bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian serta memastikan semua prosedur yang ditetapkan dipatuhi.

"Jabatan mengambil maklum dan memandangkan serius dakwaan yang dilaporkan berhubung insiden kematian

seekor kucing jantan milik keluarga penama selepas menjalani prosedur pembedahan kembiri di klinik veterinar kerajaan.

“Susulan itu, satu siasatan dalaman menyeluruh akan dijalankan segera bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian,” menurut kenyataan itu pada Jumaat.

Bagi membantu proses siasatan, jabatan itu turut menasihatkan pemilik haiwan berkenaan supaya segera menghantar karkas kucing tersebut ke Makmal Diagnosa Veterinar (MDV) Kepayan untuk menjalani bedah siasat atau nekropsi.

“Langkah segera ini amat penting kerana karkas yang telah mengalami proses autolisis atau reput boleh menjejaskan ketepatan diagnosis dan menyukarkan penentuan punca sebenar kematian,” katanya.

Terdahulu, menerusi hantaran yang tular di Threads, pemilik akaun thebareloons mendakwa ibu bapanya menghantar kucing jantan peliharaan keluarga yang berada dalam keadaan sihat ke Klinik Veterinar Kerajaan Kepayan bagi menjalani prosedur kembiri.

Menurut hantaran tersebut, kucing berkenaan dihantar

sekitar jam 9 pagi sebelum dimaklumkan bahawa prosedur hanya dapat dijalankan pada sebelah petang.

“Parents saya hantar kucing jantan saya yang sihat tiada sakit pun untuk kembiri di Veterinar Kepayan. Hantar jam 9 lebih pagi, tetapi jam 3 petang baru kena operate dengan alasan kucing saya garang dan perlu owner di sebelah dia,” tulis pemilik akaun tersebut.

Beliau turut mendakwa kucing berkenaan diserahkan semula kepada keluarganya dalam keadaan tidak sedarkan diri, bibir bertukar ungu dan tidak menunjukkan tanda-tanda pernafasan.

Menurutnya, selepas mendapatkan pemeriksaan lanjut di sebuah klinik veterinar swasta, mereka dimaklumkan bahawa kucing tersebut telah meninggal dunia.-[SABAHNEWS](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR